

# Perlu bijak pelajari sejarah

## LAPORAN



**MOHD RAMAN DAUD**  
raman@sph.com.sg

SEDANG Singapura menyambut ulang tahun kemerdekaan ke-50, banyak sekali bahan, buku dan pameran sejarah dibentangkan.

Pada acara dinamakan CITA anjuran Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Nasional Singapura (NUS) pada Sabtu, 4 April lalu di The Arts House, Dr Noorman Abdullah turut mengupas erti sejarah.

Acara ini juga digelar SIS(WA)RA! oleh Persatuan Bahasa Melayu Universiti Kebangsaan Singapura (PBMUKS).

Sebagai pakar kaji masyarakat (sosiologi), Dr Noorman menilai sejarah sebagai dibentuk oleh para tokoh besar.

## TOKOH PENCORAK

Menurutnya, mendiang Lee Kuan Yew (1923-2015) dan para penggantinya – Encik Goh Chok Tong dan Perdana Menteri ketiga dan kini, Encik Lee Hsien Loong – akan mencorakkan sejarah Singapura.

“Namun, naratif (penceritaan) sejarah perlu dinilai secara seimbang. Selain para tokoh dominan tadi, wajar kita pelajari para tokoh lain yang turut mewarnai serba sedikit sejarah Singapura seperti Encik Lim Chin Siong (1933-1996), Encik Dominic Puthuchery (1934-) dan Encik Said Zahari (1925-),” katanya kepada mahasiswa Melayu daripada pelbagai jurusan termasuk sains dan kejuruteraan.

## MENYELURUH

Mengkaji sejarah perlu menyeluruh, hujah Dr Noorman.

“Kita perlu tahu apakah sejarah yang dibentangkan itu hanya satu bahagian, apakah pula sumber-sumbernya, apakah penceritaan sejarah tadi bersesuaian dan apakah politik di sebalik pemaparan sejarah itu,” kata pensyarah di Jabatan Sosiologi NUS itu.

Beliau meraih ijazah Sarjana Muda Kepujian dan Sarjana di NUS dan Doktor Falsafah Kelas Pertama daripada Universiti Bielefeld, Jerman.

Tesis doktoratnya mengenai hidup beragama dan kerohanian dalam kalangan keluarga Melayu/Islam Singapura.

Penakatan Singapura, hujahnya, dipengaruhi oleh kemampuan pimpinan Parti Tindakan Rakyat (PAP) dalam berdepan dengan cabaran golongan komunis, komunalis (perkauman) dan haluan kiri.

## NIAT SEBENAR RAFFLES


Beliau menyatakan bahawa sejak kajian Dr John Miksic, seorang pakar kaji purba yang gigih, sejarah Singapura tidak lagi dinilai selepas kedatangan Thomas Stamford Raffles (1781-1826) pada 1819.

“Dulu S. Rajaratnam, salah seorang pemimpin pengasas Singapura moden, berpendapat memandangkan tidak banyak diketahui tentang sejarah Singapura silam, maka wajarlah sejarah Singapura di-




“Kita perlu tahu apakah sejarah yang dibentangkan itu hanya satu bahagian, apakah pula sumber-sumbernya, apakah penceritaan sejarah tadi bersesuaian dan apakah politik di sebalik pemaparan sejarah itu.”

– Dr Noorman Abdullah, pensyarah di Jabatan Sosiologi NUS (kiri).



**KAJIAN MIKSIC:** Sumbangan besar Dr John Miksic dari segi kaji purba telah mendedahkan perihal Singapura dalam zaman sebelum kedatangan Raffles, sebuah pelabuhan penting dan pernah mempunyai tamadunya. – Foto fail



**BUKU SEJARAH:** Satu lagi buku tulisan Dr John Miksic yang menunjukkan Singapura bukanlah sekadar kampung nelayan dan Sang Nila Utama sebagai satu mitos, seperti kata Dr Noorman Abdullah. – Foto fail

pelajari dari sejak zaman penjajahan Barat,” katanya.

Beliau berpendapat banyak risiko menggunakan kayu ukur penjajah. Antara lain, Raffles bukanlah seorang tokoh pembina yang bermatlamat mulia, tetapi sekadar meneruskan hasrat imperialisme British. Hal ini telah dibuktikan oleh kalangan sarjana termasuk Almarhum Profesor Syed Hussein Alatas (1928-2007).

## KAJIAN MIKSIC

“Kajian Miksic menunjukkan Singapura bukanlah sekadar kampung nelayan dan Sang Nila Utama sebagai suatu mitos.

“Sebaliknya Singapura sudah merupakan pelabuhan terkenal yang agak sibuk lama sebelum kedatangan Raffles,” terangnya.

Seperkara lagi, kaca mata penjajah sering serong. Catatan Raffles misalnya, menunjukkan beliau amat mencurigai kaum Cina di Jawa sebagai ‘orang yang amat berbahaya’.

“Lazimnya penjajah menyifatkan kaum peribumi (*indigenous*) sebagai senantiasa bermasalah dan kedatangan mereka sebagai penyelamat,” tambahnya.

Walaupun bukan seorang sejarawan, Dr Noorman berpendapat sejarah perlu dan akan senantiasa disemak apabila terdapat bukti sahih.

“Adakah sejarah diingati atau sengaja dilupakan? Ini tugas kita untuk mencari kebenaran. *Sejarah Melayu*, walaupun dikatakan penuh mitos, masih digunakan oleh sejarawan Turnbull dalam memaparkan sejarah Singapura,” katanya.